

# TPM kerah semua bersedia

Hujan berterusan sehingga Aidiladha dijangka cetus gelombang banjir kedua

**K**UANTAN: Datuk Seri Najib Razak mahu semua pihak bersiap sedia menghadapi 'gelombang' banjir kedua berikutan hujan dijangka berterusan hingga Aidiladha Ahad ini termasuk di Johor, negeri paling teruk dilanda bencana itu dengan tiga beranak menjadi korban terbaru, malam kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, semua pihak terutama jabatan dan agensi kerajaan yang terbabit dalam menghadapi ancaman banjir mesti berada dalam keadaan berjaga-jaga.

"Kalau tak berlaku, Alhamdulillah. Kalau berlaku, kita berada dalam siap sedia dan sebarang operasi yang perlu kita laksanakan akan dapat dilakukan dalam keadaan efisien," katanya di sini semalam.

**“ Jabatan yang menjaga, memantau cuaca, pentadbiran peringkat daerah dan kampung, angkatan tentera, polis dan bomba mesti berada dalam keadaan berjaga-jaga”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

Beliau mengulas laporan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca yang menjangkakan cuaca buruk di Johor dan Pahang Tenggara berterusan hingga Ahad ini serta hujan lebat di Melaka dan Negeri Sembilan berterusan sehingga empat hari lagi yang berkeungkinan menyebabkan banjir.

Di **JOHOR BAHRU**, M Punithavathy, 31, serta dua anaknya Pavitra, 4, dan Parnitra, 3, menjadi korban terbaru banjir, menjadikan 11 orang terkorban sejak banjir melanda Johor lebih seminggu lalu.

Tiga beranak itu maut selepas Perodua Kancil mereka dihanyutkan arus ketika melalui jalan ditenggelami air di Kampung Kamisan, Yong Peng, kira-kira jam 8 malam kelmarin.

Suami Punithavathy, G Kamalanathan, 35, yang juga Penolong Pengurus

Kilang Sawit di Ladang Cha'ah Guthrie, terselamat apabila sempat berpaut di belakang bumbung kereta.

Parnitra ditemui lemas dalam kereta yang tersadai dalam semak selepas dibawa arus kira-kira 20 meter, manakala mayat Punithavathy dijumpai tersangkut di tepi semak hampir satu kilometer dari tempat kejadian, kira-kira jam 10.30 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Ibrahim Mohd Aris, berkata operasi mencari seorang lagi kanak-kanak masih dijalankan.

Hingga petang semalam, Johor terus dinaiki air dengan 58,380 mangsa masih ditempatkan di 226 pusat pemindahan, termasuk 25,613 di Batu Pahat, Muar (19,190), Kota Tinggi (4,639), Johor Bahru (3,516), Segamat (3,187), Mersing

(836) dan Kluang (239).

Paras air di Sungai Segamat pada tahap amaran dengan bacaan 8.65 meter, Sungai Sembrong (3.45 meter, amaran), Sungai Skudai (7.53 meter, waspada), Sungai Johor (2.60 meter, amaran), Sungai Tebrau (6.8 meter, waspada) dan Sungai Plentong (1.3 meter, waspada).

Empangan Bekok di Batu Pahat mencatat paras 18.57 meter melebihi 1.07 meter daripada paras bahaya, Empangan Sembrong pada paras 12.16 (paras bahaya 0.16 meter) dan Empangan Machap 17.19 meter (paras bahaya 0.19 meter). Beberapa jalan di Kota Tinggi, Segamat, Muar dan Batu Pahat juga masih ditutup.

Lagi berita di muka 4 dan 5